

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 OKTOBER 2023**

1. PELANTIKAN AHLI MAJLIS SESI 2023/2024

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima senarai nama 22 Ahli Majlis Sesi 2023/2024 daripada Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang pada 28 September 2023, manakala dua (2) lagi Ahli Majlis Sesi 2023/2024 daripada Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang pada 3 Oktober 2023.

Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP Sesi 2023/2024 diadakan pada 2 Oktober 2023 (Isnin) bagi 22 Ahli Majlis dan pada 18 Oktober 2023 bagi dua (2) Ahli Majlis di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

Pelantikan Ahli Majlis Sesi 2023/2024 adalah terdiri daripada 10 Ahli Majlis sedia ada yang dilantik semula dan 14 Ahli Majlis yang baharu dilantik secara rasmi oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelantikan ini berkuatkuasa bermula 1 Oktober 2023 sehingga 31 Disember 2024.

Keseluruhan pelantikan 24 Ahli Majlis MBSP yang baharu dilantik terdiri daripada 10 orang daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP), sembilan (9) orang daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), dua (2) orang Ahli Majlis daripada Parti Amanah Negara (Amanah) dan seorang Ahli Majlis daripada NGO manakala dua (2) orang Ahli Majlis daripada UMNO. Kesemua Ahli Majlis terdiri daripada pelbagai bangsa dan kerjaya.

MBSP mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ahli Majlis MBSP Sesi 2023/2024 dan berharap dapat menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan kehendak Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Manakala sembilan (9) Ahli Majlis yang tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP bagi sesi 2023/2024 adalah :

BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TEMPOH BERKHIDMAT
1.	Encik Tan Chee Teong	1 Januari 2013	10 Tahun 9 Bulan
2.	Encik Ahmad Rizal Bin Abdul Hamid	2 Januari 2020	3 Tahun 9 Bulan
3.	Encik Galaimani A/L Subramnian	2 Januari 2020	3 Tahun 9 Bulan
4.	Encik Tan Choo Eng	2 Januari 2020	3 Tahun 9 Bulan
5.	Encik Ooi Boon Sheng	2 Januari 2020	2 Tahun 3 Bulan
6.	Puan Tharani a/p Kesavan	2 Januari 2022	1 Tahun 9 Bulan
7.	Encik Jeffery Koay Kai Chin	2 Januari 2022	1 Tahun 9 Bulan
8.	Encik Ahmad Tarmizi bin Jusoh	2 Januari 2022	1 Tahun 9 Bulan
9.	Encik Delakan a/l Ratha Krisnak	2 Januari 2022	1 Tahun 9 Bulan

MBSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tempoh memegang jawatan sebagai Ahli Majlis MBSP.

2. SENARAI PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2023

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-74 pada 8 Julai 2023, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa jua lapangan.

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN	PINGAT
1.	Encik Zainuddin bin Mohamed	Ahli Majlis		Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
2.	Puan Normahani binti Muhamad	Ahli Majlis		Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
3.	Encik Mohd Faidzal bin Hassan	Penolong Pengarah Kanan	Perhubungan Komuniti	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
4.	Encik Mahadzir bin Baharom	Pembantu Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

5.	Encik Benson Neoh Kah Wei	Ahli Majlis		Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
6.	Encik Assadhullah bin Othman	Penolong Jurutera Kanan	Kejuruteraan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
7.	Encik Noradzly bin Ramli	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	Perkhidmatan Kesihatan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
8.	Encik Sofian bin Shaari	Penolong Pegawai Tadbir	Pengurusan Krisis	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
9.	Encik Mohd Firdaus bin Mohd Zaini	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Informasi Teknologi Dan Komunikasi	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
10.	Encik Muhammad Shafiee bin Abdull Rahim	Penolong Pegawai Penguatkuasa	Direktorat Penguatkuasaan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
11.	Puan Haznulnizan binti Azizan	Pembantu Tadbir	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)

12.	Puan Syarifah Maryah binti Syed Salleh	Pembantu Tadbir	Bangunan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
13.	Encik Zainudin bin Zainol Abidin	Pembantu Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
14.	Encik Mathavan a/ Kunjiraman	Pemandu Kenderaan	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
15.	Puan Suseela Devi a/p Krishnasamy	Pembantu Tadbir	Pelesenan	Pingat Bakti Setia (PBS)
16.	Encik Azmi bin Majid	Pembantu Operasi	Undang-Undang	Pingat Bakti Setia (PBS)

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan MBSP atas kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2023.

3. ANUGERAH PBT CEMERLANG BAGI KEMPEN KESIHATAN PERSEKITARAN KPKT 2022/2023

Dimaklumkan bahawa MBSP telah menerima Anugerah PBT Cemerlang bagi Kempen Pencegahan Denggi di Kawasan Keutamaan PBT (Taman Siakap) 2022 sempena Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2023 pada 17 Oktober yang lalu.

Kempen yang dijenamakan sebagai Program Komunitiku Bersih & Sihat : Kempen Cegah Denggi (atau singkatannya - KOM-BEAT Denggi) MBSP 2022 telah dijalankan selama 2 bulan (Jun hingga Julai) di lokaliti Taman Siakap, Seberang Jaya.

Anugerah ini diberikan kepada kempen yang memenuhi kriteria kecemerlangan khusus berdasarkan Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan PBT IKPKT 2019. Tahniah diucapkan kepada warga kerja MBSP, khususnya Jabatan Perkhidmatan Kesihatan atas kejayaan ini.

Pada kesempatan ini juga, pihak MBSP turut ingin merakamkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak lain yang terlibat menjayakan kempen, terutamanya :

- MPKK Taman Siakap
- Pusat Kitar Semula Tzu Chi Taman Siakap
- Pejabat Kesihatan Daerah SPT
- Pasukan COMBI Pulau Pinang
- Pejabat Penerangan Daerah SPT

- Pejabat Perpaduan dan Integrasi Nasional Daerah SPT
- Serta seluruh komuniti Taman Siakap”

Semoga momentum kejayaan ini akan terus dikekalkan untuk kempen-kempen yang akan datang.

4. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Dimaklumkan bahawa MBSP akan menjalankan operasi serahan waran tahanan tunggakan cukai taksiran mulai 25 Oktober 2023 ke atas pemilik premis yang belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas tempoh masa yang telah ditetapkan.

Pemilik premis dinasihatkan agar **SEGERA** menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan premis dikenakan waran tahanan. Elakkan harta alih anda daripada disita oleh MBSP.

Pemilik premis juga disarankan supaya memuat turun aplikasi ASPIRE Seberang Perai untuk memudahkan urusan semakan bil terkini secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan bagi mengelakkan tindakan dikenakan.

Semakan dan bayaran juga boleh dibuat di kaunter bayaran MBSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi, Nibong Tebal. Senarai

lengkap saluran pembayaran yang disediakan boleh dirujuk di laman sesawang MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my>

Sila hubungi *helpdesk* cukai taksiran di talian 04-5497470 / 471 / 696 / 697 untuk maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda atau emel di waran@mbsp.gov.my

5. PENGANJURAN PAMERAN *LUNA LIGHT WONDERLAND 2023* OLEH RED BEAR EVENT DENGAN KERJASAMA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bagi mendokong usaha dalam merancakkan sektor pelancongan di Seberang Perai, MBSP telah mengambil langkah proaktif untuk bekerjasama dengan Red Bear Event bagi menganjurkan *Luna Light Wonderland 2023* yang akan diadakan di Taman Rekreasi Vision Park, Kepala Batas, Seberang Perai Utara pada 27 Oktober 2023 (Jumaat) hingga 26 November 2023 (Ahad) yang akan bermula jam 7.00 petang sehingga 12.00 malam.

Luna Light Wonderland 2023 ini adalah merupakan *showcase* lampu hiasan yang bertemakan *Animal Kingdom, Vision Ocean, Aquatic, Romance, LUNA Aerospace, Mystery Forest, Aurora Lights and Main Mascot Luna* yang merangkumi penggunaan sebanyak 1.4 juta *lightbulbs* dari jenis LED yang dipasang di keseluruhan kawasan lapang/ hijau (fasa 1) Taman Rekreasi Vision Park, Seberang Perai Utara yang berkeluasan 24 ekar.

Kadar pembayaran tiket adalah sebanyak :-

- i. RM15 kepada orang dewasa;
- ii. RM8 kepada kanak-kanak 12 tahun ke bawah (Potongan harga tiket sebanyak RM2 ke atas harga asal akan diberikan kepada 100 orang kanak-kanak pertama bagi setiap hari sepanjang tempoh penganjuran pameran);
- iii. Tiket percuma diberikan kepada setiap pelajar sekolah rendah (7 tahun hingga 12 tahun) yang berada di luar 25 kilometer radius daripada lokasi penganjuran pameran.

Untuk makluman, *Luna Light Wonderland* akan menjelajah ke seluruh Malaysia bermula tahun 2023 sehingga 2024 dengan *tagline* "Tour Malaysia 10" di mana Taman rekreasi Vision Park, Bertam, Pulau Pinang adalah merupakan lokasi ketiga selepas di Kedah dan Negeri Sembilan.

Sebagai rekod, syarikat ini pernah bekerjasama dengan MBSP untuk menganjurkan pameran *Luna Light 2020* di *Upcycle Park*, Bandar Perda pada 07 Februari 2020 hingga 23 Februari 2020 di mana jumlah pengunjung telah mencecah seramai 20,000 orang sepanjang tempoh tersebut.

6. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADAN

Dimaklumkan bahawa, permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadan** akan mula dibuka mulai **01 November 2023** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Disember 2023**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadan boleh diperolehi mulai **01 November 2023** di :-

- i. Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MBSP Bandar Perda.
- ii. Kaunter MBSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.
- iii. Laman sesawang Majlis Bandaraya Seberang Perai di www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon pada 24 Januari 2024. Taklimat kepada penganjur dijadualkan pada 01 Februari 2024.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MBSP di talian 04-5497679 / 04-5497680 / 04-5497847

****Nota : 1 Ramadan 1445 H : 13 Mac 2024**

7. PEMAKLUMAN PELAKSANAAN KAUNTER SIBER DI KAUNTER MBSP CAWANGAN KAMPUNG JAWA DAN JAWI

Dimaklumkan bahawa Kaunter Siber akan dilaksanakan di Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa dan Jawi **mulai 01 November 2023**. Sehubungan itu, perkhidmatan *multiskill* seperti di bawah akan diproses di kaunter cawangan MBSP iaitu:

- a) Permohonan pelekat kereta OKU
- b) Permohonan lesen anjing
- c) Permohonan pertukaran alamat harta
- d) Carian alamat harta
- e) Pendaftaran inbois jabatan MBSP
- f) Bayaran Kempen Hari Tanpa Beg Plastik
- g) Bayaran Fi Hotel
- h) Permohonan / pembaharuan lesen perniagaan MBSP
- i) Bayaran Kompaun Kerja Tanah
- j) Penyediaan dan bayaran bil-bil jabatan dalaman MBSP
- k) Bayaran cukai taksiran MBSP
- l) Bayaran kompaun jabatan MBSP

Pelaksanaan Kaunter Siber di Kaunter Cawangan MBSP dapat memenuhi keperluan penduduk setempat kerana pelanggan tidak lagi tertumpu di Kaunter Berpusat MBSP di Bandar Perda untuk mendapatkan perkhidmatan *multiskill*.

Walau bagaimanapun, MBSP menggalakkan semua warga Seberang Perai untuk menggunakan perkhidmatan atas talian melalui saluran *Cyber Counter* yang disediakan di laman sesawang MBSP bagi memudahkan urusan.

8. PENDIDIKAN KESEDARAN KOMUNITI BERSTRATA DI SEMUA PERINGKAT “CELIK STRATA 2023” SIRI 2

Untuk makluman, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP, merancang untuk mengadakan seminar bertajuk “**CELIK STRATA 2023**” Siri 2 kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan dan pengurusan strata di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Seminar ini merupakan usaha berterusan pihak **Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (MBSP)** bagi memberi pemahaman berkaitan pembangunan dan pengurusan strata kepada golongan yang berkaitan menerusi penganjuran seminar “**CELIK STRATA 2023**” Siri 2.

Tarikh cadangan adalah pada **25 November 2023 (Sabtu)**. Jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**, bertempat di **Dewan Haji Ahmad Badawi, Butterworth**.

Penyertaan dianggarkan seramai **200 orang peserta** yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan dan pengurusan strata di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Objektif utama program ini diadakan adalah seperti berikut:

2.1 Mendidik semua golongan tentang pemahaman asas perundangan dan tanggungjawab pengurusan strata.

2.2 Memberi pendedahan tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran yang betul mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

2.3 Membantu mewujudkan pengurusan yang lebih baik.

2.4 Mewujudkan keseragaman pematuhan undang-undang dan dasar berkaitan penyenggaraan dan pengurusan berstrata mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

2.5 Memberi pemahaman kepada pihak berkaitan untuk mentadbir dan mewujudkan persekitaran yang harmoni dan selesa serta selamat didiami.

9. SAMBUTAN HARI DEEPAVALI

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu dan diharapkan kemeriahan ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Sambutan Pesta Cahaya tahun ini disambut pada 12 November 2023 (Ahad) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH.